

Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Dalam Menjalani Latihan Industri Bagi Menyokong Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA)

Factors Influencing Malaysian Vocational Certificate (SVM) Students in Undergoing Industrial Training to Support The Code of Practice for TVET Program (COPTPA)

Mohd Erfy Ismail^{1*}, Che Mohammad Fattihi Ekhmal Che Mut¹, Rohaize Ahmad¹

¹ Faculty of Technical and Vocational Education,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author: erfy@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jttr.2025.03.01.004>

Maklumat Artikel

Diserah: 17 Februari 2025
Diterima: 16 Jun 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Kolej Vokasional (KV), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), latihan industri, TVET, COPTPA

Abstrak

Latihan industri merupakan satu peluang untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan kepada pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) bagi meneroka dunia realiti alam pekerjaan kelak. Latihan industri merupakan satu daripada program kurikulum baharu yang dibentuk bagi mereka dalam menyokong kod amalan akreditasi program TVET (COPTPA). Masalah yang dikenal pasti berdasarkan pembacaan pengkaji berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menjalani latihan industri ialah dari segi minat, pendapatan, pengaruh rakan sebaya dan keluarga, sokongan industri serta tahap kemahiran pelajar itu sendiri. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar SVM dalam menjalani latihan industri bagi menyokong COPTPA secara berkesan, relevan dan strategik. Hasil kajian literatur dengan 20 buah artikel yang dicapai melalui Google Scholar menggunakan kaedah kajian literatur sistematik. Kajian ini juga menggunakan jurnal artikel, posedor dan tesis yang telah diterbitkan dan dimuat naik dalam pangkalan data Google Scholar dalam tempoh 8 tahun terdekat bermula 2017 hingga 2024 sebagai rujukan penyelidikan. Dapatan kajian mendapati latihan industri sebagai satu wadah menjalin hubungan kebersamaan bersama industri di samping satu pelaksanaan dan pengurusan proses kerjaya pelajar. Latihan industri dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti minat, pendapatan, pengaruh rakan sebaya dan keluarga, sokongan industri serta nilai kemahiran pelajar. Konklusinya, latihan industri mampu mendatangkan kesan yang positif terhadap pasaran industri dan institusi pendidikan TVET dalam membantu pendidikan negara menerobos kemajuan industri keempat yang penuh mencabar.

Keywords

Issues and challenges, TVET institutions, high-quality graduates, industry market

Abstract

Industrial training is an opportunity for Malaysian Vocational Certificate (SVM) students to gain experience and exposure, enabling them to explore the realities of the working world. It is one of the newly developed curriculum programs designed to support the Code of Practice for TVET Program Accreditation (COPTPA). The issues identified based on the researcher's reading regarding the factors influencing students during industrial training include interest, income, peer and family influence, industry support, and the students' own skill levels. The purpose of this study is to examine the factors affecting SVM students in undergoing industrial training to effectively, relevantly, and strategically support COPTPA. The study's findings are based on a systematic literature review (SLR) of 20 articles retrieved via Google Scholar. The review incorporates journal articles, procedures, and theses published and uploaded to Google Scholar over the past eight years (2017–2024) as reference materials. The findings suggest that industrial training serves as a platform for fostering collaboration with industry while implementing and managing students' career processes. Industrial training is influenced by certain factors such as interest, income, peer and family influence, industry support, and the value of students' skills. In conclusion, industrial training has the potential to positively impact TVET students by producing skilled workers for the industrial sector. This supports COPTPA and contributes to the nation's ability to navigate the challenges of the fourth industrial revolution.

1. Pengenalan

Malaysia kini beralih kepada ekonomi berasaskan industri gelombang keempat, dengan penekanan pada teknologi sebagai faktor pertumbuhan ekonomi. Dalam keadaan ini, Malaysia amat memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran dan berlatarbelakangkan pendidikan dan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah menetapkan garis besar untuk memastikan negara akan mencapai matlamatnya, seperti rancangan pelaburan dan strategi, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan. Sebuah negara membelanjakan banyak wang untuk menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi kepada belia. Sektor pendidikan mempunyai keupayaan untuk menghasilkan modal insan yang boleh mempengaruhi kemajuan ekonomi dan memperkasakan sosioekonomi komuniti termasuklah program TVET. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), skop TVET adalah berdasarkan piawaian pekerjaan yang diiktiraf dan memberi penekanan kepada aspek praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan sebenar dalam industri. Melalui statistik terkini Perangkaan Utama Kadar pengangguran tidak berubah sebanyak 3.4% antara Januari 2016 dan Disember 2015 dilaporkan oleh Tenaga Buruh Malaysia pada Januari 2016. Kadar pengangguran meningkat sebanyak 0.3 peratus dari tahun ke tahun. Antaranya faktor minat pelajar yang menganggap TVET sebagai pilihan kedua.

Di Malaysia, Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) adalah kementerian yang bertanggungjawab untuk proses penyediaan tenaga kerja. Salah satu daripadanya ialah Kolej Vokasional (KV), yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan di kawal selia oleh Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV), yang bertanggungjawab dalam menyediakan sijil dan diploma kepada graduan dalam bidang vokasional ini. Di seluruh negara, terdapat lebih 90 KV yang menawarkan 10 bidang utama dan 30 kursus dalam bidang vokasional, termasuk Kolej Vokasional Batu Pahat di Johor. Pelbagai peluang untuk melanjutkan pelajaran dan berjaya dalam alam pekerjaan terbuka kepada pelajar dalam bidang ini. Banyak majikan di negara ini bersedia untuk bekerjasama dengan pelajar vokasional untuk meningkatkan peluang pekerjaan. Laporan Kajian Sistem Pelajaran Vokasional Semenanjung Malaysia membuktikan ini yang berlangsung pada tahun 1981. Sehubungan dengan laporan ini, 45.2% pelajar tamat pengajian profesional hanya menunggu satu hingga enam bulan untuk mendapatkan kerja memenuhi keperluan pasaran kerja nasional. Ini menunjukkan betapa pentingnya pelajar lepasan sekolah vokasional dalam memenuhi keperluan pasaran kerja nasional.

Program Latihan Industri adalah penting untuk menyediakan pelatih dengan cara kerja dan amalan organisasi. Latihan ini juga membantu mereka mengenal pasti kelemahannya dan keupayaannya. masing-masing untuk mengurangkan perbezaan antara keadaan semasa dan jangkaan kerja seperti yang ditetapkan oleh organisasi (Abdul Halim, Nik Maheran, dan Rosni, 2001). Berbeza dengan sistem SMV sebelumnya, di mana pelajar hanya dibenarkan melanjutkan pengajian dengan Sijil Pelajaran Malaysia

(Vokasional) selepas menamatkan pengajian, sistem KV bertujuan untuk memastikan 70% daripada pelajar terus bekerja di industri, 20% melanjutkan pengajian, dan 10% lagi menjadi usahawan yang berjaya selepas menamatkan latihan industri selama empat tahun atau lima bulan.

COPTPA adalah rujukan utama bagi akreditasi program TVET. Skop Standard TVET dalam COPTPA meliputi kelayakan dari Tahap 1 hingga Tahap 6 MQF. COPTPA berfungsi mencapai kepentingan bersama dalam menjamin kualiti program TVET (MQA, 2023). Bagi pelajar kolej vokasional, faktor minat dalam latihan industri sangat penting kerana ia mempengaruhi kualiti pengalaman, penguasaan kemahiran, dan keinginan pelajar untuk menceburi kerjaya yang berkaitan. Dalam pendidikan vokasional, latihan industri adalah penting kerana ia membolehkan pelajar mempraktikkan teori mereka di tempat kerja. Minatnya terhadap latihan industri boleh mendorong pelajar untuk belajar lebih banyak, meningkatkan tumpuan, dan menjadi lebih yakin diri. Pelajar mungkin kurang produktif dan tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada latihan industri jika mereka mempunyai minat yang rendah. Oleh itu, adalah penting untuk memahami dan memupuk elemen yang mempengaruhi minat dalam latihan industri untuk membolehkan pelajar memanfaatkan sepenuhnya potensi mereka (Ismail & Hassan, 2022; Norazah et al., 2023).

Dalam memastikan pelajar mendapat latihan yang relevan dan berkesan, adalah penting untuk memilih tempat latihan industri yang sesuai dengan bidang pengkhususan mereka. Pelajar lebih cenderung untuk pergi ke institusi pendidikan yang menawarkan skop kerja yang mencabar dan bermakna kerana ini boleh membantu mereka meningkatkan pengetahuan mereka dalam dunia sebenar dan membina kemahiran tambahan yang diperlukan dalam persekitaran kerja sebenar. Namun begitu, pelajar mungkin tidak berminat, bosan, dan tidak bersemangat akibat daripada skop kerja yang terlalu terhad atau tidak relevan. Ini akan mengurangkan kesan positif latihan. Menurut kajian semasa, apabila pelajar didedahkan kepada persekitaran kerja sebenar, latihan industri dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal dan insaniah mereka. Latihan ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk membina disiplin diri, menyelesaikan tugas secara berstruktur, serta belajar bekerja secara kolaboratif dalam kumpulan (Zainudin et al., 2022; Ibrahim & Johari, 2023).

Bagi pelajar aliran vokasional, kos adalah salah satu faktor penting yang mempengaruhi pemilihan tempat latihan industri mereka. Elaun ialah bayaran wang yang diberikan kepada pelajar sepanjang tempoh latihan dan memainkan peranan besar dalam menarik minat pelajar untuk memilih industri tertentu. Elaun pelajar bukan sahaja memberi motivasi tambahan, malah membantu mereka membiayai perbelanjaan harian dan kos kehidupan semasa menjalani latihan industri (Rosli et al., 2022). Selain itu, tanggapan rakan sebaya turut memainkan peranan penting. Jika pelajar mendengar atau mengetahui bahawa pengalaman latihan industri rakan mereka adalah negatif seperti tidak mendapat tugas yang relevan atau pengalaman yang tidak selari dengan bidang kursus, hal ini boleh melemahkan minat dan motivasi mereka untuk menjalani latihan tersebut (Ahmad & Saadon, 2023).

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menyelidik menggunakan kaedah kajian literatur sistematik atau SLR. Pelaksanaan kajian serta penulisan kajian ini hanya menggunakan jurnal, artikel, proceeding dan tesis sahaja yang telah diterbitkan dan dimuat naik dalam pangkalan data Google Scholar dalam masa 8 tahun terdekat iaitu bermula pada tahun 2017 sehingga 2024 yang digunakan sebagai rujukan penyelidikan. Pencarian dan penapisan kesemua data yang berkaitan telah menggabungkan satu kata kunci iaitu "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Dalam Menjalani Latihan Industri Bagi Menyokong Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA)" sebagai kriteria pencarian. Terdapat 35 buah artikel yang memenuhi keperluan berdasarkan tajuk, namun hanya 20 buah artikel sahaja yang memenuhi keperluan penyelidikan berdasarkan tajuk artikel ini yang diambil kira dalam pelaporan kajian literature. Kerangka kerja kajian literature ini memberi keutamaan fokus kepada pelaksanaan latihan industri dalam menyokong Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA).

3. Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan

Terdapat 20 artikel penyelidikan yang telah dikaji bagi mengenalpasti serta boleh digunakan untuk mengkaji tentang "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Dalam Menjalani Latihan Industri Bagi Menyokong Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA)". Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, terdapat pelbagai faktor-faktor terhadap latihan industri pelajar SVM terutama dalam sektor perindustrian. Penulis kajian, ringkasan kajian dan dapatan kajian telah dirumuskan secara ringkas di dalam Jadual 1 bagi menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam menjalani latihan industri bagi menyokong COPTPA.

Jadual 1 Analisis isu dan cabaran institusi TVET untuk menyediakan keperluan graduan yang berkualiti untuk pasaran industri

Bil	Penulis	Ringkasan Kajian	Dapatan Kajian
1	Abd Majid et al., (2019)	I. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk membuat penilaian perkhidmatan pendidikan dalam kalangan pelajar aliran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional(TVET) di IPTA dalam aspek penerimaan dan perbandingan kepuasan perkhidmatan Pendidikan berdasarkan demografi jantina.	I. Hasil dapatan menunjukkan tahap kepuasan perkhidmatan pendidikan yang sederhana dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan perkhidmatan pendidikan berdasarkan demografi jantina. II. Penemuan kajian jelas menunjukkan bahawa IPTA perlu meningkatkan keberkesanan pelaburan dalam perkhidmatan pendidikan yang ditawarkan dalam usaha mempromosikan pendidikan tinggi di negara ini.
2	Abdul-Aziz et al., (2020)	I. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor tarikan dan tolak yang mempengaruhi kemasukan pelajar dalam program TVET di kolej komuniti di Malaysia. II. Minat dan kesedaran pelajar tentang prospek program TVET harus dipupuk terutamanya di kalangan bukan Bumiputera oleh pihak berkenaan seperti kerajaan, guru, ibu bapa dan masyarakat supaya dapat meningkatkan penyertaan pelajar dalam program TVET.	I. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua faktor tolakan dan tarikan secara signifikan mempengaruhi enrolmen pelajar di institusi TVET. II. Kajian menekankan prospek kerjaya sebagai faktor tarikan utama, manakala faktor pendorong utama terdiri daripada minat pelajar. III. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min kedua-dua faktor ini berdasarkan etnik.
3	Asnul Dahar Bin Minghat, (2020)	I. Kajian ini dijalankan untuk memberi gambaran dan maklumat yang jelas sama ada kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari adalah dipengaruhi oleh faktor minat, jangkaan pendapatan, kerja dan ibu bapa serta rakan. Perkara ini perlu dipertimbangkan oleh pihak pelajar, guru, dan pihak pengurusan sekolah. II. Perbincangan difokuskan kepada empat faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari iaitu faktor minat, faktor jangkaan pendapatan, faktor kerja, dan akhir sekali faktor ibu bapa serta rakan.	I. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor jangkaan pendapatan merupakan faktor yang tertinggi sekaligus nilai purata min 2.73 diikuti faktor minat dengan nilai purata min 2.55 dan faktor kerjadengan nilai purata min 2.54. Faktor ibu bapa serta rakan merupakan faktor yang terendah sekaligus nilai purata min hanyalah 2.23. II. Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, dapat dilihat bahawa pelajar aliran vokasional bersetuju bahawa minat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

4	Buntat & Ensa, (2020)	I. Kajian ini dijalankan untuk meninjau minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional di sekolah. II. Hasil kajian juga menunjukkan situasi persekitaran pada hari ini dapat mempengaruhi minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional. Secara keseluruhannya, pelajar wanita didapati berminat mempelajari mata pelajaran teknik dan vokasional dan tidak mempunyai masalah walaupun mata pelajaran ini merangkumi pembelajaran secara teori dan amali. Minat untuk mempelajari sesuatu perkara amat penting kerana minat mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar.
5	Jie & Yasin, (2022)	I. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan tentang TVET dalam kalangan pelajar dan ibu bapa. II. Kajian ini juga mengenal pasti usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET. Seterusnya, mengenal pasti tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET. I. Bidang TVET adalah satu aliran atau cabang pendidikan yang sangat penting dan tidak boleh diabaikan oleh mana-mana pihak. II. Secara keseluruhannya, semua konstruk yang dikaji berada pada tahap yang tinggi.
6	Khaizer Omar et al., (2020)	I. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor tanggungjawab dan organisasi dalam pengurusan e-pembelajaran ketika pandemik Covid-19 dalam kalangan pelatih institusi TVET. II. Mengkaji perbezaan tahap faktor tanggungjawab dan organisasi dalam pengurusan e-pembelajaran mengikut kumpulan demografi jantina, program, dan status sosioekonomi. I. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan persepsi pelatih terhadap faktor tanggungjawab dan organisasi pada tahap tinggi dan memuaskan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor tanggungjawab dan organisasi mengikut jantina, institusi TVET dan program pengajian pelatih, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan mengikut kumpulan status sosioekonomi keluarga pelajar. Faktor kumpulan status sosioekonomi keluarga dilihat faktor yang penting dalam menilai keberkesanan sistem e-pembelajaran dan perlu dilakukan kajian lanjutan pada masa akan datang.

7	Wan Yusop, (2014)	I. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar program kimpalan di Kolej Vokasional. II. Penyelidikan yang dilakukan berdasarkan tiga faktor yang utama iaitu faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga. Daripada tiga faktor utama ini, diperincikan kepada beberapa faktor kecil seperti yang ditunjukkan dalam kerangka konsep kajian. III. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menentukan apakah nilai skor min yang tertinggi berdasarkan ketiga-tiga faktor yang dikaji.	I. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor personaliti merupakan faktor yang sangat mendorong pencapaian akademik pelajar dengan nilai purata skor min adalah 3.92 dan aspek minat merupakan aspek yang sangat mendorong pencapaian akademik dengan nilai purata skor min adalah 4.02 bagi pelajar program kimpalan di Kolej Vokasional.
8	Noor et al., (2020)	I. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesedaran pelajar terhadap pekerjaan 3D (<i>Dirty, Dangerous, Difficult</i>).	I. Hasil dapatan kajian adalah untuk mewujudkan kesedaran terhadap keperluan dan peluang pekerjaan dalam industri '3D', misalnya, kesedaran dalam menyediakan diri mereka dari segi meningkatkan kemahiran mereka dari tahap tidak mahir kepada separuh mahir dan mahir, mendapatkan sijil yang diperlukan, seperti sijil keselamatan dan kesihatan, dan memperoleh pengetahuan '3D' untuk pemasaran diri yang lebih baik.
9	Syamimi et al., (2021)	I. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebolehpasaran graduan wanita TVET di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) zon Sabah dalam pemilihan kerjaya.	I. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 44% (84 orang) telah bekerja. Manakala sebanyak 46% (88 orang) masih belum bekerja. Selain itu juga, dapatan kajian mengenai graduan bekerja berkaitan dengan bidang pengajian mendapati sebanyak 64% (82 orang) bekerja diluar bidang pengajian mereka. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan 57% (64 orang) menerima bayaran gaji pada kadar purata RM1001-RM1300. Walau bagaimanapun, seramai 88% (161 orang) bersetuju bekerja di luar kawasan tempat tinggal. II. Kebolehpasaran graduan wanita ketiga-tiga ILJTM Zon Sabah pada tahap sederhana dan perlu ditingkatkan. Pihak institusi juga memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan lagi kolaborasi bersama firma atau industri untuk menjamin masa depan graduan wanita.

10	Zhi & Atan, (2021)	I. Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pendidikan TVET. Pengaruh ibu bapa, pengaruh guru, pengaruh rakan sebaya, gred di sekolah, kerjaya masa depan dan potensi pekerjaan, latar belakang sosio ekonomi merupakan faktor yang dikaji. Dengan mengetahui kepentingan faktor-faktor ini, ia boleh dimanipulasi dalam mempromosikan TVET dalam kalangan pelajar berpotensi oleh pihak berkuasa yang berkaitan. II. Terdapat enam pembolehubah bebas yang dipilih dalam kajian ini sama ada (1) pengaruh ibu bapa, (2) pengaruh guru, (3) pengaruh rakan sebaya, (4) gred di sekolah, (5) kerjaya masa depan, dan potensi pekerjaan, (6) sosioekonomi. Pembolehubah bersandar kajian ini adalah bertujuan kepada sikap pelajar di UTHM.	I. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Dalam kajian ini, semua pembolehubah didapati mempunyai perkaitan positif dengan sikap pelajar terhadap TVET. Hubungan positif tertinggi adalah sosio-ekonomi terhadap TVET. Status sosio-ekonomi kanak-kanak biasanya ditentukan dengan menggabungkan tahap pendidikan ibu bapa, status pekerjaan dan tahap pendapatan. Status sosioekonomi pelajar mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sikap di sekolah. II. Perbandingan pelajar yang mempunyai taraf sosioekonomi rendah dengan mereka yang mempunyai taraf sosioekonomi tinggi menunjukkan bahawa pelajar yang kedua mencari pencapaian pembelajaran yang lebih tinggi.
11	N. A. B. D. Samad et al., (2014)	I. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap peluang melanjutkan pelajaran ke Institusi Latihan Vokasional (ILV). II. Didapati pelajar tingkatan 4 aliran vokasional mempunyai pandangan yang positif terhadap masa depan mereka untuk menyambung pelajaran di ILV atau mana-mana pusat pengajian tinggi manakala pelajar dari aliran kemahiran melihat peluang mereka melanjutkan pelajaran adalah sangat tipis dan mengambil keputusan untuk menceburi bidang pekerjaan selepas tamat latihan.	I. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan tentang tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV di mana Hnoll ditolak. II. Pandangan responden Tingkatan 4 aliran vokasional terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV adalah sederhana dengan nilai pekali kolerasi 0.61 dan signifikan (p) pada aras 0.00. III. Walau bagaimanapun, hubungan antara faktor dominan dengan tahap kesedaran bagi pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV tidak dapat disimpulkan kerana mempunyai hubungan yang sangat lemah iaitu dengan nilai pekali kolerasi 0.13.

12	Zaini & Shari, (2022)	I. Kajian ini dirancang dan dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap persepsi majikan terhadap pelajar Sijil Teknologi Elektrik dalam tiga aspek iaitu kemahiran teknologi elektrik, peraturan keselamatan dan amalan kerja serta kemahiran generik. Kajian ini merupakan kajian tindakan dan menganalisa maklumbalas majikan bagi pelajar yang menghadiri latihan industri bermula tahun 2018 sehingga 2020.	I. Dapatan kajian ini memberi kepentingan kepada institusi dalam memastikan keluaran graduan yang berkualiti. II. Hasil kajian menunjukkan maklumbalas majikan amat memberangsangkan dengan skor min melebihi 4.0 kepada tiga aspek yang dikaji iaitu kemahiran teknologi, peraturan keselamatan dan amalan baik dan keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi.
13	Chellapan, K., & Kenayathulla, H. B. (2019)	I. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau prospek pelaburan dalam kalangan lepasan graduan ILKBS Malaysia lelaki dan wanita bagi meningkatkan pendapatan individu dan memperbaiki status sosio-ekonomi serta kesejahteraan isi rumah. II. Kajian ini bertumpu untuk mentransformasikan TVET sebagai laluan pendidikan pilihan terbaik bagi menzahirkan graduan TVET berpengetahuan, berkemahiran dan berakhlak mulia bagi mengharungi cabaran serta merebut peluang dalam ekonomi globalisasi demi merealisasikan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi di rantau Asia menjelang tahun 2020 (Dasar Transformasi Negara, 2011-2020).	I. Dapatan ujian T persampelan bebas, terdapat perbezaan yang ketara dalam pendapatan graduan lelaki dan perempuan ILKBS dalam bidang pilihan mereka, $t(3517) = 43.2$, $df = 3515$, $p > .05$. II. Dapatan analisis Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan graduan dengan sijil tertinggi Tahap 2 hingga Tahap 5. Analisis nilai Phi Cramer menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah (pendapatan dan sijil tertinggi) sangat berkaitan.
14	Zhi, W. W., & Atan, S. A. (2021)	I. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan faktor penting yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap TVET dan menentukan hubungan antara faktor dan sikap terhadap TVET.	I. Berdasarkan keputusan, didapati bahawa kebanyakan responden kajian ini lebih bersetuju dengan faktor pengaruh rakan sebaya berbanding faktor lain. Walau bagaimanapun, semua faktor berada pada tahap tinggi dan tahap yang memuaskan. Untuk mengukuhkan lagi kajian ini, analisis Korelasi Spearman Rho ialah dijalankan dan hasilnya menunjukkan bahawa semua pembolehubah bebas (pengaruh ibu bapa, pengaruh guru, pengaruh rakan sebaya, gred di sekolah, kerjaya masa depan dan potensi pekerjaan, dan sosio-ekonomi) adalah positif disokong dan berkaitan dengan pembolehubah bersandar.

15	Ali, R. (2023)	I. Kajian bertujuan untuk menilai tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar TVET, Politeknik Kota Kinabalu Sabah (PKK) di samping untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan secara statistik berdasarkan jantina terhadap penguasaan kemahiran insaniah sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan. II. Kajian juga adalah untuk menentukan hubungan di antara kemahiran insaniah dengan kebolehgajian pelajar TVET PKK.	I. Dapatan kajian untuk objektif pertama bagi mengetahui tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar TVET Jabatan PKK dari domain kemahiran komunikasi adalah pada tahap sederhana, manakala domain kemahiran kerja berpasukan berada pada tahap tinggi dan tahap kemahiran menyelesaikan masalah berada pada tahap sederhana. II. Dapatan kedua kajian ini adalah pula adalah untuk melihat hubungan antara kemahiran Hubungan Kemahiran Insaniah dengan Kebolehgajian Pelajar TVET 21 insaniah dengan kebolehgajian pelajar TVET. Hasil ujian korelasi menunjukkan hubungan pembolehubah bebas kajian iaitu kemahiran insaniah mempunyai hubungan yang signifikan ke atas kebolehgajian pelajar JPPKK pada aras kekuatan hubungan sederhana dan lemah.
16	Daud, S. M., et.al., (2024)	I. Kajian telah dilaksanakan bertujuan untuk mengukur tahap keterlibatan industri terhadap kemampanan pelaksanaan pembelajaran berasaskan kerja (PBK) di Politeknik Malaysia. Keterlibatan industri dalam konteks kajian ini diukur berdasarkan empat faktor iaitu tadbir urus, motivasi organisasi, fasiliti organisasi dan kefahaman kurikulum.	I. Dapatan kajian menunjukkan 31.9% atau 29 pensyarah pemantau memiliki sijil profesional, dan 14.3% atau 13 individu memiliki sijil kemahiran. Baki pensyarah tidak mempunyai sebarang sijil tambahan. II. Data menunjukkan bahawa prestasi politeknik adalah elemen yang tertinggi dalam kemampanan pendekatan PBK di Politeknik. Ini kerana Politeknik sinonim sebagai sebuah institusi peneraju TVET dalam bidang latihan teknikal di peringkat diploma di Malaysia. III. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap penglibatan industri yang tinggi.
17	Said, A. (2023)	I. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan persepsi pemegang taruh di kolej vokasional mengenai kualiti dan tahap kebolehpasaran graduan yang dihasilkan, serta apakah kriteria-kriteria yang dikehendaki oleh majikan terhadap graduan kolej vokasional.	I. Dapatan kajian menyimpulkan bahawa persepsi pemegang taruh terhadap kualiti dan kebolehpasaran graduan kolej vokasional dapat berteraskan kepada lima tema iaitu graduan mempunyai pengiktirafan dan bekalan kemahiran yang mencukupi, kecemerlangan pelajar semasa menjalani OJT, integriti dan bertanggungjawab, mempunyai nilai daya saing dan kebolehkkerjaan dalam bidang.

			II. Dapatan kajian ini penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV)) dalam memperkukuh kerangka <i>Technical and Vocational Education and Training</i> (TVET) 4.0 untuk pembangunan kurikulum pendidikan TVET di Malaysia.
18	Tahrir, N. F.,et.al., (2023)	I. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti peratus pelajar lepasan LI yang ditawarkan bekerja oleh majikan serta punca dan peratus pelajar menolak tawaran pekerjaan bagi pelajar Diploma Teknologi Maklumat (DDT) Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS).	I. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peratus pelajar DDT, PSIS yang menerima tawaran pekerjaan adalah sebanyak 34.9% (29orang), 27.7%(23 orang) melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah, dan 31.3% (26 orang) pula sedang mencari pekerjaan. Daripada 29 orang yang menerima tawaran, sebanyak 82.8% pelajar yang menerima dan 17.2% pelajar yang menolak tawaran. Pelajar menolak tawaran kerana ingin melanjutkan pelajaran dan mencari tawaran pekerjaan di organisasi yang lain.
19	Roslan, M. S.,et.al., (2023)	I. Kajian ini bertujuan untuk membandingkan kemahiran kebolehpasaran yang dimiliki oleh pelajar persijilan kemahiran Malaysia dipusat-pusat bertauliah swasta dengan kemahiran kebolehpasaran yang diperlukan oleh bakal majikan di Industri.	I. Hasil dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kemahiran kebolehpasaran yang dimiliki oleh pelajar dan juga yang diperlukan oleh pihak majikan berkaitan dengan kemahiran interpersonal dan kemahiran penyelesaian masalah. I. Dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan terutamanya Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia dalam melaksanakan pelan tindakan untuk mengurangkan jurang perbezaan antara kemahiran kebolehpasaran yang diperlukan oleh majikan dan juga yang diterapkan dalam kalangan pelajar-pelajar persijilan kemahiran Malaysia dipusat-pusat bertauliah, terutamanya pusat bertauliah swasta di Pulau Pinang.

20	Hanapi, Z., & Kamis, A. (2017)	I. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam perbandingan persepsi terhadap kepentingan elemen-elemen kemahiran teknikal dan kemahiran employability yang perlu dikuasai oleh graduan bidang elektrik di antara industri, pensyarah Kolej Komuniti dan graduan bidang elektrik di Kolej Komuniti.	I. Melalui analisis Ujian-Anova yang dijalankan, kajian menunjukkan bahawa terdapat perbandingan yang signifikan bagi persepsi terhadap kepentingan ke semua elemen-elemen kemahiran teknikal iaitu kemahiran asas, kemahiran merekabentuk, kemahiran pemasangan, kemahiran pengujian dan kemahiran penyelenggaraan yang perlu dikuasai oleh graduan kursus elektrik di Kolej Komuniti di antara majikan di industri, graduan dan pensyarah Kolej Komuniti. Manakala dari segi persepsi terhadap kepentingan elemen kemahiran employability, kajian turut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi terhadap kepentingan elemen kemahiran employability iaitu kemahiran pengurusan maklumat, kemahiran pengurusan diri, kemahiran etika dan moral serta kemahiran keusahawanan yang perlu dikuasai oleh graduan bidang elektrik di Kolej Komuniti di antara majikan di industri, graduan dan pensyarah Kolej Komuniti.
----	--------------------------------	--	--

Jelas melalui hasil kajian mendapati pelbagai faktor yang mempengaruhi latihan industri kepada pelajar TVET tidak mengira gender atau jantina mahupun etnik. Ini terbukti melalui beberapa kajian seperti Abd Majid et al., (2019), Abdul-Aziz et al., (2020), Buntat & Ensa, (2020), Khaizer Omar et al., (2020), Syamimi et al., (2021), Chellapan, dan kajian oleh K., & Kenayathulla, H. B. (2019). Kesemua kajian tersebut menyatakan bahawa faktor utama adalah minat pelajar itu sendiri. Sekiranya mereka mempunyai minat dan mempunyai pemikiran positif terhadap bidang TVET, pastinya memberikan mereka peluang kerjaya di industry. Malah mereka dapat memfokuskan latihan diindustri sebagai peluang kepada mereka untuk menimba ilmu dan pengalaman yang berharga sebagai bekalan mereka nanti di alam pekerjaan sebenar. Berdasarkan kajian Jie & Yasin, (2022), bidang TVET adalah satu aliran atau cabang pendidikan yang sangat penting dan tidak boleh diabaikan oleh mana-mana pihak. Ini membuktikan bahawa TVET mempunyai masa depan kepada generasi pelajar untuk berada di industri.

Terdapat juga kajian yang menyatakan faktor rakan sebaya, pendapatan dan ibu bapa memainkan peranan sebagai faktor yang mendorong kepada kejayaan penyertaan pelajar ini di industri. Antaranya kajian oleh Asnul Dahar Bin Minghat, (2020) dan kajian oleh Zhi, W. W., & Atan, S. A. (2021). Tidak ketinggalan juga faktor dorongan daripada industri juga membantu pelajar semasa latihan industri seperti yang digambarkan oleh kajian oleh Roslan, M. S.et. al.,(2023), Daud, S. M.,et.al., (2024) dan Zaini & Shari, (2022). Terdapat juga beberapa faktor-faktor lain yang mendorong kepada pelajar ini seperti faktor personaliti, sosioekonomi keluarga serta faktor insaniah dan komunikasi pelajar seperti yang dinyatakan oleh kajian Usop, (2014), Ali, R. (2023), Said, A. (2023) dan Roslan, M. S.et.al., (2023).

Kesemua faktor-faktor ini dianalisa melalui Jadual 2 mengikut kajian yang telah diteliti oleh pengkaji. Kesediaan para pelajar dalam menempuhi latihan industri sama kesannya seperti mereka berada di pasaran kerja industri sebenar kelak. Ini seterusnya mampu membimbing pelajar sentiasa berpengetahuan, berilmu dan berkemahira serta terlatih mengikut suasana kerja sebenar yang mencabar. Diharapkan usaha ini tidak terhenti begitu sahaja dan terus berkembang pesat mengikut keperluan industri semasa supaya negara maju yang diharapkan menjelang 2030 dapat direalisasikan. Selain itu diharapkan hubungan di antara industri diselaraskan

kepada semua institusi pendidikan terutamanya institusi TVET, agar mendapat sokongan yang jitu daripada semua pihak agar negara ini mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain di samping menjadi contoh terbaik dalam dunia perindustrian. Pelajar yang terlatih dengan ilmu industri yang efektif pastinya mampu menjadikan lanskap pendidikan berkembang setapak ke hadapan menerobos kemajuan indutri keempat tanpa sempadan.

Jadual 2 *Jadual analisis faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam menjalani latihan industry*

Bil.	Penulis	Jenis-Jenis Faktor					
		Minat	Pendapatan	Pengaruh Rakan sebaya	Ibu Bapa	Industri	Kemahiran
1	Abd Majid et al., (2019)						
2	Abdul-Aziz et al., (2020)	√					
3	Asnul Dahar Bin Minghat, (2020)	√	√	√	√		
4	Buntat & Ensa, (2020)	√					
5	Jie & Yasin, (2022)						
6	Khaizer Omar et al., (2020)	√				√	√
7	Wan Yusop, (2014)	√					
8	Noor et al., (2020)					√	√
9	Syamimi et al., (2021)	√				√	√
10	Zhi & Atan, (2021)						
11	N. A. B. D. Samad et al., (2014)						√
12	Zaini & Shari, (2022)					√	
13	Chellapan, K., & Kenayathulla, H. B. (2019)					√	
14	Zhi, W. W., & Atan, S. A. (2021)	√		√	√		√
15	Ali, R. (2023)						√
16	Daud, S. M., et.al., (2024)	√				√	
17	Said, A. (2023)						
18	Tahrir, N. F., et.al., (2023)	√				√	√
19	Roslan, M. S., et.al., (2023)					√	
20	Hanapi, Z., & Kamis, A. (2017)	√					√
21	JUMLAH	10	1	2	2	8	8

4. Kesimpulan

Hasil dapatan kajian daripada 20 buah artikel dan journal yang telah dianalisis menunjukkan bahawa terdapat kesan faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi para pelajar SVM ini dalam menjalani latihan industri. Faktor dalaman seperti minat pelajar itu sendiri di samping elemen kemahiran, insaniah dan komunikasi yang seharusnya diperkukuhkan dalam diri pelajar. Faktor luaran seperti pengaruh rakan sebaya dan ibu bapa serta sokongan pihak industri serta faktor elaun atau pendapatan boleh mempengaruhi diri pelajar. Secara keseluruhannya, kajian dari pengkaji lain memberikan kesan dan impak yang positif sebagai satu langkah dalam membantu kepada pemilihan latihan industri yang berkesan kepada pelajar untuk menyokong kepada COPTPA. Kemahiran dan pengalaman berharga pelajar dalam sektor industri selaras dengan keperluan industri IR 4.0 di mana menyediakan organisasi yang mampan dari segi kesediaan terhadap teknologi terkini.

Penghargaan

This research was supported by Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) through Tier 1 (vot Q527) and GPPS (J063).

Konflik Kepentingan

Penulis memaklumkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam penerbitan manuskrip ini.

Sumbangan Penulis

Penulis pertama bertanggungjawab dalam penghasilan manuskrip secara keseluruhan, termasuk penulisan struktur, kandungan, dan analisis artikel berkaitan kajian. Penulis kedua menyumbang kepakaran dalam menyemak dan menilai artikel serta sumber rujukan yang berkaitan dengan kajian. Penulis ketiga membantu dalam penyusunan literatur dan memberikan sokongan teknikal serta analisis awal terhadap latihan industri pelajar SVM dan Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA).

Rujukan

- Abdul Majid, A. H., Nik Muhammad, N. M., & Abdul Wahid, R. (2001). Peranan program latihan sumber manusia dalam meningkatkan prestasi kerja. *Jelapang*, 2(2), 13-19.
- Abd Majid, M. Z., Hussin, M., & Norman, M. H. (2019). Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET) Di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 410-428. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp410-428>
- Abdul-Aziz, S. N., Zulkifli, N., Nashir, I. M., & Karim, N. A. H. A. (2020). Pull and push factors of students' enrolment in the tvet programme at community colleges in Malaysia. *Journal of Technical Education and Training*, 12(1 Special Issue), 68-75. <https://doi.org/10.30880/jtet.2020.12.01.007>
- Ahmad, N. M., Supaat, D. I., Wook, I., Tagoranao, M. S., & Rahman, N. A. A. (2018). Malaysians' reluctance to work in local 3D sectors a preliminary review. *The Journal of Social Sciences Research, Special Issue 4*, 220-230.
- Ahmad, A. R., & Saadon, M. S. (2023). Peer Influence on Industrial Training Interest among Malaysian TVET Students. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 48(1), 41-50.
- Asnul Dahar Bin Minghat, K. B. S. & H. B. M. R. (2020). Statistical Package For Social Science (SPSS) . Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesediaan Pelajarpelajar Aliran Vokasional Untuk Memilih Kerjaya Dalam Bidang Yang Dipelajari.
- Ali, R. (2023). Hubungan Kemahiran Insaniah dengan Kebolehgajian Pelajar TVET. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 13-22.
- Buntat, Y., & Ensa, N. (2020). Minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional di sekolah (interest of female students in technical and vocational subjects at school). *Suparyanto Dan Rosad* (2015, 5(3), 248-253.
- Chellapan, K., & Kenayathulla, H. B. (2019). Pendapatan Graduan Tvet Institusi Latihan Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia. *Jupidi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 82-97.
- Daud, S. M., Yahya, S. Z. B., & Irwan, N. I. H. M. (2024). Pengaruh Keterlibatan Industri Dalam Kemampanan Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) di Politeknik. *Journal on Technical and Vocational Education*, 9(2), 62-72.

- Hanapi, Z., & Kamis, A. (2017). Analisis Perbandingan di Antara Industri, Pensyarah dan Graduan Terhadap Kepentingan Kemahiran Teknikal dan Kemahiran Employability yang Perlu Dikuasai oleh Graduan Bidang Elektrik di Kolej Komuniti. *Sains Humanika*, 9(1-5).
- Ibrahim, M. I., & Johari, R. (2023). Workplace Exposure and Its Influence on TVET Students' Motivation and Career Readiness. *Jurnal Pendidikan Vokasional Malaysia*, 9(2), 55–68.
- Ismail, M. A., & Hassan, R. (2022). Student interest and engagement in industrial training: A TVET perspective. *Journal of Technical Education and Training*, 14(2), 45–53.
- Jie, B. G., & Yasin, R. M. (2022). Usaha Meningkatkan Kesedaran Pelajar dan Ibu Bapa Terhadap Kebolehpasaran Pekerjaan dalam Bidang TVET. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 529–539. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.43>
- Kamarulzalis, M. A. F. (2024). Faktor-Faktor Keberkesanan Pengurusan dalam Institusi TVET: Management Effectiveness Factors in TVET Institutions. *Journal of TVET and Technology Review*, 2(1), 75–85.
- Khaizer Omar, M., Rauf, A., Ismail, N., Rashid, A. M., Hazwan, M., Puad, M., & Zakaria, A. (2020). Factors On Deciding TVET For First Choice Educational Journey Among Pre-Secondary School Student Muhd. 07(03).
- Malaysian Qualifications Agency (MQA). (2023). Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA). Malaysian Qualifications Agency.
- Noor, E., Zulkiflee, D., Puteh, F., & Ahmad, J. (2020). Analysing the Awareness of Generation Y Youth on “3D” Industries Through “3D” Info System. *Journal of Administrative Science*, 17(December), 140–155.
- Norazah, M. N., Ramlee, M., & Zaini, A. (2023). Faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap latihan industri di institusi TVET Malaysia. *Jurnal Pendidikan Teknikal dan Vokasional*, 17(1), 88–102.
- Roslan, M. S., Hussain, M. A. M., & Zulkifli, R. M. (2023). Komparatif Kemahiran Kebolehpasaran Pelajar Persijilan Kemahiran Malaysia dengan Keperluan Bakal Majikan di Industri. *Global Journal of Educational Research and Management*, 3(2), 67–79.
- Rosli, N. A., Zakaria, M. H., & Yusof, N. H. (2022). Financial Support and Its Influence on Industrial Training Motivation among Vocational Students in Malaysia. *Journal of Technical Education and Training*, 14(1), 55–64.
- Said, A. (2023). Kualiti Dan Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional.
- Samad, S. A. B. D., Othman, M. K., & Dzahir, M. (2019). Pembangunan Kerangka Konseptual Kajian Aspirasi Kerjaya Pelajar TVET Kolej Komuniti di Malaysia. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies)*, 20, 64–73. <https://doi.org/10.17576/malim-2019-2001-06>
- Syamimi, F., Ros, C., Mohd, S., Syed Yusoff, Y., Raris, M., Yusof, M., Nazren, A. R. A., Yusoff, S., Nazren, M., Kebolehpasaran Graduan, J., Tvet, W., Zon, I., Dalam, S., & Kerjaya, P. (2021). Kebolehpasaran Graduan Wanita Tvet Iljtm Zon Sabah Dalam Pemilihan Kerjaya. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 3(3), 44. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap> <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap>
- Tahrir, N. F., Nasir, N. A. M., & Radzali, N. S. A. A. (2023). Kebolehpasaran Pelajar Selepas Menjalani Latihan Industri bagi Program Diploma Teknologi Maklumat Politeknik Sultan Idris Shah: Era Pascapandemik. *Research and Innovation in Technical and Vocational Education and Training*, 3(1), 023–029.
- The Sundaily. (2017). Graduates Would Rather Stay Unemployed than Taking Up Blue- *Journal of Administrative Science* Vol.17, Issue 2, 2020, pp. 140 - 155 Available online at <http://jas.uitm.edu.my> 155 eISSN 2600-9374 © 2020 Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia Collar Jobs. Retrieved from <https://www.thesundaily.my/archive/graduateswould-rather-stay-unemployed-taking-blue-collar-jobs-mef-KTARCH474069>
- Wan Yusop, W. M. F. (2014). Pelajar Dalam Program Kimpalan.
- Yazit, S., & Yahaya, A. H. (2003, October). Keberkesanan Menjalani Latihan Industri Di Kalangan Pelajar–Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Bandar Darulaman, Jitra, Kedah Darulaman. Kerta kerja dibentangkan di National Sem. In National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahru, 19-21 October 2003.
- Yusof, M. M., & Mohiddin, N. H. (2018). Refleksi Pelajar Terhadap Keberkesanan Kursus Latihan Industri: Kajian Kes Pelajar Politeknik Muadzam Shah: Student Reflection on The Effectiveness of Industrial Training Courses: Study Case of Polytechnic Muadzam Shah Students. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 46–54

- Zainal, R. (2003). Kajian keberkesanan pelaksanaan programlatihan industri diploma pengurusan pelancongan Politeknik Johor Bahru (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn).
- Zaini, Z., & Shari, M. B. (2022). Kajian Keberkesanan Latihan Industri Pelajar Sijil Teknologi Elektrik (Tahun 2018-2020), Kolej Komuniti Jelevu dari Persepsi Majikan: Study of the Effectiveness of Industrial Training for Electrical Technology Certificate Students (Year 2018-2020), Jelevu Community College from the Perception of Employers. *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education*, 28(1), 17-23.
- Zainudin, N. M., Ahmad, S. Z., & Latif, R. A. (2022). Impact of Industrial Training on Technical and Soft Skills among Malaysian TVET Students. *International Journal of Education and Training*, 8(1), 22–35.
- Zhi, W. W., & Atan, S. A. (2021). Factors Influencing Students ' Attitudes towards Technical and Vocational Education and Training (TVET). 2(1), 335–348.